

agama seperti jawapan yang diberikannya kepada pertanyaan yang kita kemukakan kepada kementerian itu seperti yang tersiar di dalam majalah Qalam yang telah lalu.

* * *

Hadiah 15 ribu paun dari Kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah

Menurut siaran Konsul Am Kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah di Singapura, sesudah Datuk Al-Syed Ibrahim bin Umar Al-Sagoff pada 2 Disember 1964 dilantik menjadi Konsul Agung telah mengemukakan permohonan kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Malik Faisal untuk membuat sebuah bangunan syarahan orang-orang Islam di Singapura ini dan kerajaan baginda telah bermurah hati menghadiahkan wang sebanyak lima belas ribu paun (\$129.000 Malaya). Kurnia baginda ini patut disambut dengan ucapan syukur dan setinggi-tinggi terima kasih oleh seluruh umat Islam Singapura.

Sebelum Mesyuarat Agung Jamiyah kononnya telah terberita dikhabarkan bahawa bantuan itu dicadangkan oleh Datuk Al-Syed Ibrahim melulus dan membesarkan bangunan Jamiyah dan kononnya pula dikhabarkan dalam suatu Mesyuarat Jawatankuasa Jamiyah bahawa wang itu sememangnya diuntukkan bagi bangunan Jamiyah. Dengan kerana itu maka dengan syor Datuk Al-Syed Ibrahim juga, sebagai Yang Dipertuanya, Jamiyah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kelimpahan Duli Yang Maha Mulia Jalalah Al-Malik Faisal (Kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah) atas kemurahan itu. Tetapi kemudiannya maka rancangan itu berubah menjadi sebagai perisytiharan Konsul Arabiyyah Sa'udiyah itu bahawa wang itu diuntukkan bagi dewan bacaan Muslimin.

Apabila terbit pertelingkahan di antara ahli-ahli Jamiyah sedikit masa yang lalu maka daripada kenyataan akhbar tersiar pula bahawa tidak mungkin wang itu akan diberikan kepada

Jamiyah kalau Jamiyah tidak betul keadaannya. Menurut pendapat kita, ini boleh difaham bahawa cara membaikkannya seakan-akan suatu umpan kepada Jamiyah patut kepada sesuatu paun itu kepada siapa dan ke mana wang kurnia daripada kemahuan seseorang kalau mahu mendapat lima belas ribu kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah itu hingga sekarang belum dapat diagak dan diketahui sedang masa sudah berjalan lebih kurang tujuh bulan lamanya.

Ada dua perkara yang timbul dalam soal derma ini. Yang pertama - derma ini boleh difaham daripada kerajaan sebab datangnya daripada raja yang memerintah yang mempunyai kuasa. Yang kedua - mungkin daripada peribadi beliau sendiri. Jika daripada peribadi baginda sudah tentu tidak menjadi perisytiharan rasmi daripada Konsul 'Arabiyyah Sa'udiyah dan tidak pula diminta dalam masa jawatan seorang yang baharu dilantik memegang jawatan Konsul itu.

Kalau daripada kerajaan maka lazimnya menurut protokol luar negeri wang itu mestilah diserahkan kepada kerajaan yang memerintah negeri ini menerusi Pejabat Kementerian Luar Negeri yang bakal mentadbirkan bangunan rumah itu mengikut kehendak kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah dan dikelola oleh kerajaan yang bertanggungjawab di dalam negeri ini - tidak jabatan-jabatan diplomat asing itu terus mendirikan mengikut kehendak-kehendaknya.

Sepanjang yang kita ketahui dan kita dengar Kedutaan 'Arabiyyah Sa'udiyah di Kuala Lumpur pada suatu masa dahulu telah pernah mengundang salah seorang Islam di negeri ini atas nama kerajaan Sa'udiah. Apabila kerajaan pusat mengetahui dia yang demikian ini maka kedutaan kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah di Kuala Lumpur telah ditegur oleh kerajaan pusat (Kementerian Luar Negeri) iaitu kalau hendak mengundang seseorang daripada negeri ini mestilah undangan itu menerusi kerajaan sekarang - tidak terus daripada